



Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Kajian Penggunaan Bahasa Masyarakat Kedayan di Limbang, Sarawak

Nurul Syakinah binti Wahed 71241

Ijazah Sarjana Muda Sastera (Linguistik)

2021

## PENGISYTIHARAN KEASLIAN HASIL KERJA

### UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

**Sila tandakan (✓)**

Projek Tahun Akhir

Sarjana

PhD

### PENGAKUAN KEASLIAN HASIL KERJA

Perakuan ini telah dibuat pada Jun hari 6 2022.

#### **Pengakuan Pelajar:**

Saya Nurul Syakinah binti Wahed, 71241, Fakulti Bahasa dan Komunikasi (NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengisytiharkan bahawa kerja bertajuk Kajian Penggunaan Bahasa Masyarakat Kedayan di Limbang Sarawak adalah kerja saya yang asli. Saya tidak meniru dari mana-mana hasil kerja pelajar yang lain atau dari mana-mana sumber lain kecuali dengan menyatakan sumber rujukan sewajarnya atau pengakuan telah dinyatakan dengan jelas dalam teks, dan tidak mempunyai mana-mana bahagian ditulis untuk saya oleh orang lain.

6 Jun 2022

Tarikh serahan

Nurul Syakinah binti Wahed (71241)

Nama pelajar (No. matrik)

### **Pengesahan Penyelia:**

Saya Encik Lam Kai Chee (NAMA PENYELIA) dengan ini memperakui bahawa hasil kerja bertajuk Kajian Penggunaan Bahasa Masyarakat Kedayan di Limbang Sarawak ( TAJUK ) telah disediakan oleh pelajar yang bernama di atas, dan telah diserahkan kepada " FAKULTI " sebagai \* memenuhi sebahagian/penuh bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Linguistik) dengan kepujian ( NYATAKAN IJAZAH ), dan kerja yang dinyatakan di atas, sepanjang pengetahuan saya, adalah hasil kerja pelajar tersebut.

Diterima untuk pemeriksaan oleh:

Tarikh:

(Nama penyelia)

Saya mengaku bahawa Projek/Tesis diklasifikasikan sebagai (Sila tandakan ( ✓ )) :

- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 )\*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan telah dijalankan)
- AKSES TERBUKA**

### **Pengesahan Projek / Tesis**

Oleh itu, saya mengaku dan mengesahkan dengan sewajarnya dengan kebenaran dan kerelaan bahawa Projek/Tesis ini hendaklah diletakkan secara rasmi di Pusat Khidmat Maklumat Akademik dengan kepentingan undang-undang dan hak-hak seperti berikut:

- Pusat Khidmat Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk membuat salinan Projek/Tesis bagi pertukaran akademik antara Institut Pengajian Tinggi.

- Tiada pertikaian atau apa-apa tuntutan yang dibuat sama ada oleh pelajar itu sendiri atau pihak ketiga terhadap Projek/Tesis ini apabila telah menjadi hak milik UNIMAS.
- Mana-mana bahan, data dan maklumat yang berkaitan dengan Projek/Tesis ini, tidak dibenarkan diedar, diterbitkan atau didedahkan kepada mana-mana pihak oleh pelajar melainkan dengan kebenaran UNIMAS.

Tandatangan Pelajar:



(6 Jun 2022)

Tandatangan Penyelia:



(Tarikh 6 Jun 2022)

**Alamat semasa pelajar:**

Kampung Bakol, Jalan Medamit, 98700 Limbang, Sarawak.

Nota: \*Jika Projek/Tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan bersama-sama surat daripada organisasi beserta sebab dan tempoh kerahsiaan dan sekatan.

[Instrumen ini disediakan oleh Pusat Khidmat Maklumat Akademik]

## **Penghargaan**

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T, kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan projek tahun akhir ini dengan jayanya setelah menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Encik Lam Kai Chee, selaku penyelia saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan projek tahun akhir ini. Segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang pengkaji atau penyelidik yang baik. Tidak dilupakan kepada barisan pensyarah di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak yang sudi berkongsi pengalaman sepanjang pengajian ini. Segala pengalaman yang dilalui pasti tidak dapat dilupakan.

Ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa yang saya hormati, Encik Wahed bin Kamis dan Puan Saripah binti Mohd Jefrydin yang sentiasa memberi kasih sayang, dorongan, doa, peringatan dan panduan hidup yang amat saya perlukan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan yang telah membantu saya sepanjang menyiapkan projek tahun akhir ini. Terima kasih juga kepada masyarakat Kedayan di Limbang Sarawak yang telah memberi kerjasama iaitu memudahkan proses untuk mendapat data.

Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjungi dan akan saya ingati sepanjang hayat ini. Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan projek tahun akhir ini. Semoga penyelidikan ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.

## ABSTRAK

Masyarakat Kedayan merupakan salah satu suku kaum peribumi minoriti yang terdapat di sebahagian besar kepulauan Borneo iaitu di Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan, dan Sarawak. Petempatan utama mereka di Sarawak boleh ditemui di Limbang, Lawas, Miri, Sibuti dan Bintulu. Kajian ini melaporkan hasil pemilihan bahasa masyarakat Kedayan dari segi domain dan sikap penutur masyarakat Kedayan terhadap bahasa Kedayan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu kaedah soal selidik berdasarkan penerapan teori domain Fishman (1972) bagi mengenal pasti pemilihan bahasa masyarakat Kedayan dari segi domain keluarga, persahabatan, pekerjaan dan keagamaan. Seramai 120 orang informan yang dikelompokkan berdasarkan tiga generasi yang telah dipilih berdasarkan kaedah persampelan kuota. Hasil kajian mendapati bahawa bahasa Kedayan diberi keutamaan dalam tiga domain iaitu domain keluarga, persahabatan, dan keagamaan bagi generasi pertama, pertengahan dan ketiga. Bahasa Kedayan dipilih kerana ia merupakan bahasa ibunda masyarakat Kedayan. Bagi sikap penutur, pengkaji mendapati bahawa sikap masyarakat Kedayan terhadap bahasa Kedayan adalah positif. Majoriti responden tidak setuju terhadap sikap negatif yang telah dipaparkan. Perkara ini telah membuktikan bahawa tersemainya perasaan bangga dalam diri masyarakat Kedayan ketika bertutur dalam bahasa Kedayan.

***A Study of the Language Choice of the Kedayan Community in Limbang, Sarawak***

***ABSTRACT***

*The Kedayan community is one of the indigenous minority tribes found in the Borneo archipelago at Sabah, the Federal Territory of Labuan, and Sarawak. Their main settlements in Sarawak can be found in Limbang, Lawas, Miri, Sibuti and Bintulu. This study reports the results of the language choice of the Kedayan community in terms of domain and attitude of the speakers of the Kedayan community towards the Kedayan language. This study uses a quantitative data that is a questionnaire method based on the theory Fishman's (1972) domain to identify the language choice of Kedayan community in terms of family, friendship, employment and religion domains. A total of 120 informants grouped based on three generations were selected based on quota sampling method. The results of the study found that the Kedayan language is given priority in three domains such as family, friendship, and religion for the first, middle and third generation. The Kedayan language was chosen because it is the mother tongue of the Kedayan community. As for the attitude of the speakers, the researcher found that the attitude of the Kedayan community towards the Kedayan language is positive. The majority of respondents disagreed with the negative attitudes that had been displayed. This has proved that there is a sense of pride in the Kedayan community when speaking in the Kedayan language.*

## JADUAL KANDUNGAN

		Halaman
PERISYTIHARAN KEASLIAN HASIL KERJA		ii
ABSTRAK		v
ABSTRACT		vi
PENGHARGAAN		viii
SENARAI JADUAL		x
<b>BAB</b>		
<b>1 PENGENALAN</b>		
1.1	Permasalahan Kajian	1
1.2	Tujuan dan objektif kajian	4
1.3	Definisi operasional	4
1.4	Kepentingan kajian	6
<b>2 SOROTAN KAJIAN</b>		
2.1	Pemilihan dan Penggunaan bahasa dalam masyarakat	8
2.2	Kajian-kajian lepas yang dijalankan di luar negara	8
2.3	Kajian-kajian lepas yang dijalankan di Malaysia	17
2.3.1	Pemilihan dan penggunaan bahasa dalam masyarakat dari segi domain	17
2.3.2	Sikap penutur masyarakat terhadap pemilihan dan penggunaan bahasa	36
2.4	Ringkasan	50
<b>3 METODOLOGI KAJIAN</b>		
3.1	Reka bentuk Penyelidikan	54
3.2	Peserta	54
3.3	Instrumen	57
3.3.1	Borang soal selidik	57
3.4	Prosedur pengumpulan data	64
3.5	Prosedur analisis data	64
3.6	Limitasi kajian	65
<b>4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN</b>		
4.1	Pengenalan	66
4.2	Pemilihan bahasa masyarakat Kedayan dari segi domain keluarga, persahabatan, pekerjaan dan keagamaan	66
4.2.1	Domain keluarga	67
4.2.2	Domain persahabatan	70
4.2.3	Domain pekerjaan	73
4.2.4	Domain keagamaan	75
4.3	Sikap penutur masyarakat Kedayan terhadap bahasa Kedayan	78
4.4	Perbincangan	81
<b>5 KESIMPULAN</b>		
5.1	Rumusan dapatan	85
5.1.1	Pemilihan bahasa masyarakat Kedayan dari segi domain keluarga,	85



	persahabatan, pekerjaan dan keagamaan	
5.1.2	Sikap penutur masyarakat Kedayan terhadap bahasa Kedayan	86
5.2	Implikasi kajian	87
5.3	Halatuju untuk kajian akan datang	88
<b>RUJUKAN</b>		89
<b>LAMPIRAN</b>		93

## SENARAI JADUAL

Jadual 1:	Pemilihan bahasa komuniti Penan muslim dalam domain keluarga.	24
Jadual 2:	Pemilihan bahasa komuniti Penan muslim dalam domain persahabatan	24
Jadual 3:	Pemilihan bahasa komuniti Penan muslim dalam domain keagamaan.	25
Jadual 4:	Pemilihan bahasa komuniti Penan muslim dalam domain pekerjaan	25
Jadual 5:	Persamaan domain dalam artikel luar dan dalam negara	51
Jadual 6:	Pengelasan latar belakang responden	55
Jadual 7:	Pemilihan bahasa masyarakat Kedayan dalam domain keluarga	60
Jadual 8:	Pemilihan bahasa masyarakat Kedayan dalam domain persahabatan	61
Jadual 9:	Pemilihan bahasa masyarakat Kedayan dalam domain pekerjaan	62
Jadual 10:	Pemilihan bahasa masyarakat Kedayan dalam domain keagamaan	63
Jadual 11:	Pemilihan bahasa masyarakat Kedayan dalam domain keluarga	67
Jadual 12:	Pemilihan bahasa masyarakat Kedayan dalam domain persahabatan	70
Jadual 13:	Pemilihan bahasa masyarakat Kedayan dalam domain pekerjaan	74
Jadual 14:	Pemilihan bahasa masyarakat Kedayan dalam domain keagamaan	76
Jadual 15:	Sikap penutur masyarakat Kedayan terhadap bahasa Kedayan	78

## **BAB 1 PENGENALAN**

### **1.1 Permasalahan Kajian**

Sarawak dan Sabah merupakan negeri dalam Malaysia yang mempunyai masyarakat yang menuturkan pelbagai bahasa ibunda yang berbeza. Masyarakat Kedayan merupakan salah satu suku kaum peribumi yang terdapat di sebahagian besar kepulauan Borneo iaitu di Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan, dan Sarawak. Petempatan utama mereka di Sabah tertumpu di Daerah Sipitang dan Papar manakala, di Sarawak pula masyarakat Kedayan boleh ditemui di Limbang, Lawas, Miri, Sibuti dan Bintulu. Menurut Sidek (2007), masyarakat Kedayan berasal dari Banjarmasin, Indonesia. Hal ini dikatakan demikian kerana semasa pemerintahan Sultan Bolkiah, terdapat perdagangan tukar barang yang aktif antara orang Brunei dengan pedagang serantau terutamanya orang Banjar yang berasal dari Banjarmasin, Indonesia. Sebahagian orang Banjar yang berdagang di Brunei dipercayai terus tinggal dan berniaga di Brunei lalu dikenali sebagai masyarakat Kedayan. Peristiwa ini membuatkan masyarakat Kedayan dikatakan berasal dari Negara Brunei Darussalam. Menurut Othman (2016), masyarakat Kedayan dikatakan merupakan antara penduduk asal di negara Brunei. Ketika di bawah pemerintahan Sultan Bolkiah (1485 - 1524), Brunei mempunyai jajahan takluk yang amat luas meliputi Pulau Borneo hingga ke kepulauan Sulu. Kekuatan dan keluasan empayar Brunei pada ketika itu menyebabkan berlakunya penghijrahan penduduk Brunei termasuklah masyarakat Kedayan ke wilayah - wilayah yang ditakluki.

Bahasa yang dituturkan oleh masyarakat Kedayan ialah bahasa Kedayan. Oleh sebab masyarakat Kedayan ini pada mulanya merupakan penduduk asal Negara Brunei, bahasa yang digunakan ialah bahasa Kedayan yang mirip dengan bahasa Melayu Brunei. Namun begitu, terdapat sebutan perkataan tertentu dalam Bahasa

Kedayan yang dihilangkan huruf 'r' dan sebutan yang ditambah huruf 'h'. Menurut Ahmad (1975), perkataan 'darat' disebut sebagai 'daat' dalam Bahasa Kedayan manakala, 'ada' disebut sebagai 'hada' dalam Bahasa Kedayan. Peratus persamaan Bahasa Kedayan dengan Melayu Brunei adalah 94%. Walaupun terdapat persamaan Bahasa Kedayan dengan bahasa lain seperti Bahasa Banjar dan Kutai, namun peratus persamaannya hanyalah 30% sahaja.

Berdasarkan kajian lepas, terdapat beberapa isu yang dapat dirumuskan. Kajian lepas kebanyakan tidak menyentuh mengenai pemilihan dan penggunaan bahasa masyarakat Kedayan dan sikap penutur semasa menggunakan bahasa Kedayan tetapi hanya menyentuh sejarah dan latar belakang masyarakat Kedayan (Othman, 2016). Kajian Othman (2016), hanya menyentuh mengenai sejarah dan latar belakang yang merangkumi warisan tradisi masyarakat Kedayan dan hanya menyentuh bahasa Kedayan yang digunakan oleh masyarakat Kedayan secara umum sahaja di dalam kajiannya. Kajian Tuah et al. (2021) hanya menyentuh mengenai pilihan bahasa dalam kalangan etnik minoriti Kedayan di Bekenu, Sarawak yang berteraskan domain sahaja dan tidak meneliti sikap penutur dalam menuturkan bahasa Kedayan. Kajian Tuah et al. (2020) hanya memfokuskan generasi muda yang berbangsa Kedayan di Bekenu, Sarawak sahaja iaitu mengenai fenomena pengekalan dan peralihan bahasa masyarakat dalam kalangan generasi muda. Sehubungan dengan itu, pemilihan dan penggunaan bahasa beserta sikap penutur bahasa Kedayan dalam menuturkan bahasa Kedayan di kawasan lain sukar untuk dinilai dan tidak diketahui kerana belum ada kajian mengenainya.

Pengkaji ingin mengkaji pemilihan bahasa masyarakat Kedayan di Limbang, Sarawak dari segi domain keluarga, persahabatan, pekerjaan, dan keagamaan. Pengkaji juga ingin mengenalpasti sikap penutur masyarakat Kedayan terhadap

bahasa Kedayan. Pengkaji ingin mengkaji masyarakat Kedayan kerana populasi masyarakat Kedayan merupakan salah satu populasi penduduk yang sedikit di Sarawak yang mungkin mendorong bahasa Kedayan mengalami isu keterancamannya. Hal ini dikatakan demikian kerana kaum Kedayan tersebar di Limbang, Lawas, Miri, Sibuti dan Bintulu, Sarawak sahaja. (Tuah et al., 2021). Kajian ini menerapkan teori domain Fishman (1972) bagi dijadikan kayu ukur dalam menganalisis pemilihan dan penggunaan bahasa dalam masyarakat Kedayan. Teori ini membuatkan kajian ini dianalisis berdasarkan domain keluarga, persahabatan, pekerjaan, dan keagamaan. Pengkaji ingin mengkaji domain keluarga kerana sesebuah keluarga berperanan penting dalam menentukan variasi bahasa yang akan dipilih sebagai bahasa ibunda dalam keluarga. Bagi domain persahabatan, pengkaji ingin meneliti bahasa yang digunakan untuk berkomunikasi yang berkemungkinan mempunyai kompetensi bahasa yang berbeza. Bagi domain pekerjaan, pengkaji ingin mengenal pasti bahasa yang digunakan kerana sektor pekerjaan merupakan salah satu sektor terpenting dalam sesebuah masyarakat. Pengkaji ingin mengkaji domain keagamaan kerana ingin melihat bahasa yang digunakan dalam hal keagamaan yang menjadi pegangan utama dalam kehidupan masyarakat. Seluruh masyarakat di Malaysia mengetahui bahawa bahasa Melayu Sarawak merupakan bahasa perantaraan yang digunakan oleh masyarakat Sarawak. Namun begitu, masyarakat yang baru bertemu dengan penduduk yang berasal dari daerah Limbang pastinya berasa hairan kerana mereka tidak pandai bertutur bahasa Melayu Sarawak tetapi loghat yang dituturkan lebih kepada loghat Sabah yang sebenarnya merupakan bahasa Kedayan yang banyak dipengaruhi oleh bahasa Melayu Brunei kerana kawasan geografinya yang menunjukkan daerah Limbang yang berada bersebelahan dengan negara Brunei Darussalam. Perkara ini membuatkan bahasa Melayu Sarawak kurang dituturkan di

Daerah Limbang, Sarawak. Hal ini dikatakan demikian kerana majoriti masyarakatnya terdiri daripada masyarakat Kedayan yang bertutur menggunakan bahasa Kedayan dan masyarakat Melayu yang bertutur menggunakan bahasa Melayu Brunei. Menurut Othman (2016), masyarakat Kedayan merupakan suku kaum minoriti di Kepulauan Borneo, maka tidak ramai yang mengetahui mengenai latar belakang masyarakat Kedayan. Pengkaji ingin menganalisis dengan lebih terperinci mengenai pemilihan bahasa masyarakat Kedayan dan sikap penutur masyarakat Kedayan terhadap bahasa Kedayan di Limbang Sarawak. Oleh itu, pengkaji wajar menjalankan kajian ini kerana penyelidikan tentang sikap dan pemilihan bahasa mengenai masyarakat Kedayan adalah terhad dan kurang dijalankan.

## **1.2 Tujuan dan Objektif Kajian**

Berdasarkan permasalahan kajian yang dikemukakan, kajian ini bertujuan untuk meninjau penggunaan bahasa masyarakat Kedayan di Limbang Sarawak dengan objektif seperti berikut:

1. Mengetahui pasti pemilihan bahasa masyarakat Kedayan dari segi domain keluarga, persahabatan, pekerjaan, dan keagamaan.
2. Menganalisis sikap penutur masyarakat Kedayan terhadap bahasa Kedayan.

## **1.3 Definisi Operasional**

### **1.3.1 Pemilihan bahasa**

Perbuatan memilih sesuatu bahasa yang ingin digunakan mengikut situasi yang bersesuaian dalam sesebuah masyarakat. Pemilihan bahasa merupakan fenomena penggunaan bahasa dalam suatu masyarakat dwibahasa atau multilingual (Ralph, 1984). Bagi tujuan kajian ini, pemilihan bahasa merujuk

penggunaan bahasa masyarakat Kedayan berdasarkan domain yang berbeza iaitu domain keluarga, persahabatan, pekerjaan dan keagamaan.

### **1.3.2 Sikap penutur**

Sikap merujuk perilaku dan perasaan seseorang individu semasa menuturkan bahasa ibundanya. Ramdhani (2008), menyatakan sikap merupakan cara menempatkan atau membawa diri, atau cara merasakan, jalan pemikiran, dan perilaku. Kebanyakan sikap bahasa dalam kajian dikategorikan kepada sikap positif dan negatif terhadap bahasa yang digunakan. Menurut Wahid dan Daud (2018), pemilihan dialek atau bahasa disebabkan oleh sikap dan perasaan individu dalam mengadaptasikan perbualan harian mengikut situasi. Bagi kajian ini, sikap penutur merujuk kepada perilaku penutur iaitu masyarakat Kedayan ketika menuturkan bahasa ibunda mereka iaitu bahasa Kedayan dalam situasi yang tertentu. Sikap penutur masyarakat Kedayan terhadap bahasa Kedayan akan diukur menggunakan skala *likert* berbentuk senarai semak iaitu Tidak Setuju (TS), Tidak Pasti (TP), dan Setuju (S).

### **1.3.3 Masyarakat Kedayan**

Masyarakat Kedayan merupakan salah satu suku kaum peribumi yang terdapat di sebahagian besar kepulauan Borneo iaitu di Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan, dan Sarawak. Masyarakat Kedayan dikatakan merupakan antara penduduk asal di negara Brunei (Othman, 2016). Dalam konteks kajian iaitu dari segi penentuan afliasi etnik, responden berketurunan Kedayan merujuk kepada seseorang yang mana salah seorang ibu bapanya berketurunan Kedayan.

### **1.3.4 Bahasa Kedayan**

Bahasa Kedayan merupakan dialek yang dituturkan oleh masyarakat yang berbangsa Kedayan. Asmah Omar (2008) pula berpandangan bahawa dialek

Kedayan bukan berstatus subdialek tetapi merupakan dialek yang tersendiri dan wajar digolongkan sebagai salah satu dialek dalam rumpun bahasa Melayu. Dalam kajian ini, bahasa Kedayan merujuk kepada bahasa ibunda yang digunakan oleh masyarakat Kedayan di Limbang Sarawak.

### **1.3.5 Domain**

Domain merupakan kerangka yang diperkenalkan oleh Fishman (1972). Pemilihan bahasa dalam interaksi sosial didorong oleh faktor-faktor tertentu seperti topik perbualan, peserta, lokasi dan akhirnya membentuk situasi komunikasi yang dikenali sebagai domain. Menurut Tuah et al. (2021), setiap interaksi yang berlaku dalam kelompok masyarakat dapat diklasifikasikan dalam domain yang tersendiri. Dalam kajian ini, domain merujuk kepada pemilihan bahasa masyarakat Kedayan dari segi domain keluarga, persahabatan, pekerjaan, dan keagamaan.

## **1.4 Kepentingan Kajian**

Hasil keseluruhan daripada penyelidikan ini dijangka akan memberikan gambaran yang jelas dan terperinci tentang bentuk pemilihan dan penggunaan bahasa masyarakat Kedayan di Limbang Sarawak.

Memandangkan kurangnya penyelidikan mengenai isu bahasa ini, maka tinjauan kajian ini diharapkan dapat mencungkil minat sarjana-sarjana lain bagi meninjau topik ini dengan lebih mendalam lagi berkenaan topik pemilihan dan penggunaan bahasa masyarakat Kedayan di Limbang Sarawak. Kajian Low (2009) tentang tradisi lisan keramat dilihat sebagai satu usaha menghimpun tradisi lisan masyarakat Kedayan di Labuan dengan memaparkan teks dalam dialek Kedayan. Melalui penyelidikan ini, pengkaji juga ingin memberi gambaran awal tentang pemilihan dan penggunaan bahasa masyarakat Kedayan di Limbang Sarawak dan



faktor yang mempengaruhi pemilihan mereka dalam sesuatu bahasa serta meninjau kesan pemilihan dan penggunaan sesuatu bahasa itu. Kajian ini penting bagi menyedarkan masyarakat Kedayan bahawa kurangnya penggunaan bahasa Kedayan dalam kalangan masyarakatnya kerana kurangnya semangat cinta akan bahasa ibunda sendiri.

Akhir sekali, kajian ini dilakukan bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat mengenai kewujudan dan keunikan masyarakat Kedayan di Sarawak yang menuturkan bahasa Kedayan yang kian kurang dikenali kerana masyarakatnya yang sedikit sahaja. Menurut Sidek (2007), masyarakat Kedayan berasal dari Banjarmasin. Hal ini dikatakan demikian kerana semasa pemerintahan Sultan Bolkiah, terdapat perdagangan tukar barang yang aktif antara orang Brunei dengan pedagang serantau terutamanya orang Banjar. Sebahagian orang Banjar yang berdagang di Brunei dipercayai terus tinggal dan berniaga di Brunei lalu dikenali sebagai masyarakat Kedayan. Menurut Othman (2016), masyarakat Kedayan merupakan suku kaum minoriti di Kepulauan Borneo, maka tidak ramai yang mengetahui mengenai latar belakang masyarakat Kedayan. Oleh itu, kajian ini penting bagi mengelakkan kepupusan bahasa Kedayan kerana kurangnya penelitian iaitu tiada pendokumentasian berkaitan.

## **BAB 2 KAJIAN LITERATUR/ LEPAS**

### **2.1 Pemilihan dan Penggunaan bahasa dalam masyarakat**

Dalam bab ini pengkaji akan membicarakan kajian lepas yang kerap dijalankan oleh penyelidik-penyelidik bahasa dalam bidang sosiolinguistik berkenaan pemilihan dan penggunaan bahasa.

### **2.2 Kajian-kajian lepas yang dijalankan di luar negara**

Suharyo dan Nurhayati (2020) meninjau pemilihan dan pengekalan bahasa Jawa bagi komuniti berjantina perempuan di Kabupaten Rembang. Komuniti yang berjantina perempuan dianggap sebagai penyemai budaya dan bahasa yang paling gigih dalam sesebuah komuniti. Pemilihan ragam bahasa Jawa adalah berdasarkan faktor-faktor tertentu seperti usia, jenis kelamin, darjat sosial, pangkat, tempat, diksi, dan ragam. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti pemilihan bahasa Jawa bagi komuniti berjantina perempuan di wilayah Rembang dan menghuraikan faktor yang menyebabkan kepupusan penggunaan bahasa Jawa.

Suharyo dan Nurhayati (2020), menggunakan reka bentuk deskriptif. Terdapat 79 orang responden yang berjantina perempuan di Kabupaten Rembang yang diambil berdasarkan sampel dari Rembang Kota dan Rembang Desa yang telah menjawab soal selidik. Manakala, 7 informan telah ditemubual pengkaji. Instrumen Suharyo dan Nurhayati (2020) adalah melalui temu bual dan borang soal selidik yang diedarkan kepada responden.

Data Suharyo dan Nurhayati (2020) dikumpul dengan mengedarkan borang selidik kepada responden. Ciri-ciri bagi sampel sasaran dikaji terlebih dahulu bagi mengenal pasti kelompok perempuan yang memenuhi syarat yang ditetapkan sebagai sampel kajian. Pengkaji membuat borang soal selidik dan mengedarkannya. Kaedah

temubual dijalankan dengan beberapa informan perempuan dengan teknik *snowball*. Suharyo dan Nurhayati (2020) menganalisis data dengan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif adalah untuk menganalisis data hasil temu bual, manakala kaedah kuantitatif dijalankan untuk menganalisis dapatan kajian yang merupakan hasil borang soal selidik yang telah dijawab responden.

Dapatan kajian Suharyo dan Nurhayati (2020) menunjukkan bahawa pemilihan bahasa Jawa (ngoko) dalam masyarakat perempuan Rembang sangat kuat (antara 48% sehingga 60%). Bahasa Indonesia juga sudah mula memasuki pada alam kehidupan masyarakat. Masyarakat Rembang tergolong masyarakat diglosik. Masyarakat Rembang perempuan menunjukkan berlakunya pergeseran bahasa dari bahasa Jawa ke bahasa Indonesia. Jika bahasa Jawa (ngoko) ragam bahasa halus yang dikaitkan dengan kesantunan, maka masyarakat perempuan Rembang desa dianggap lebih sopan-santun berbanding masyarakat Rembang kota. Walaupun adanya penggunaan pola pengekaluan yang dilakukan melalui penggunaan bahasa seharian di rumah, namun sebahagian besar masih menggunakan bahasa Jawa ragam (ngoko) melalui pendidikan, seni atau budaya, teladan tokoh masyarakat, dan sokongan pemerintah. Faktor bahasa Jawa yang menyebabkan kepupusan penggunaan bahasa Jawa ialah perkembangan sikap generasi muda dan sikap malas pemerintah.

Kesimpulannya, komuniti berjantina perempuan memainkan peranan yang penting bagi mempertahankan dan memelihara sesuatu bahasa kerana wanita merupakan ibu yang akan mengajar bahasa kepada anak-anaknya.

Selain itu, kajian Nurfadila et al. (2019) bertujuan untuk merungkaikan pemilihan bahasa dalam masyarakat Jawa di Dusun Gumuk Banji. Masyarakat Dusun Gumuk Banji merupakan masyarakat multi-etnik yang terdiri daripada etnik Jawa,

Madura, dan Cina serta masyarakat bilingualisme yang menguasai bahasa Jawa, bahasa Madura, dan bahasa Indonesia. Objektif kajian ini adalah untuk menghuraikan kewujudan pemilihan bahasa dan mengenal pasti faktor dalam pemilihan bahasa dalam masyarakat Jawa di Dusun Gumuk Banji.

Nurfadila et al. (2019) menggunakan reka bentuk kajian deskriptif dengan pendekatan kualitatif. Seramai 81 orang informan yang dipilih berdasarkan teknik *purposive random sampling* yang dikelompokkan berdasarkan kriteria umur, pendidikan dan pekerjaan yang terdiri daripada masyarakat etnik Jawa di Gumuk Banji. Instrumen kajian yang dilakukan adalah pemerhatian, temu bual, soal selidik dan analisis dokumen.

Data Nurfadila et al. (2019) dikumpul dengan mengedarkan borang soal selidik kepada informan. Borang soal selidik yang telah diedarkan mengandungi pilihan bahasa yang digunakan dalam tiga domain. Soal selidik dalam domain keluarga terdiri daripada 10 soalan, domain kejiwaan terdiri daripada 14 soalan, dan domain transaksi terdiri daripada 8 soalan. Bagi temu bual, pengkaji menemu bual informan mengenai faktor pemilihan bahasa. Pemerhatian dilakukan dengan memerhatikan pertuturan dan analisis dokumen dilakukan mengenai situasi dan keadaan demografi dan sosial masyarakat Dusun Gumuk Banji. Nurfadila et al. (2019) menganalisis data dengan memaparkan hasil kajian dalam bentuk jadual bagi menganalisis pemilihan bahasa bagi ketiga-tiga domain. Huraian kajian dibuat berdasarkan gabungan hasil kajian dan pemerhatian pertuturan masyarakat yang terungkai daripada semua soalan yang telah ditanyakan. Pemerhatian pertuturan masyarakat diperkukuhkan lagi melalui data yang diperolehi daripada hasil temu bual.

Dapatan kajian Nurfadila et al. (2019) menunjukkan adanya pemilihan bahasa bagi bahasa Indonesia, Jawa Ngoko, Jawa Krama, Madura ragam enja'-iya, dan

Madura ragam engghi-enten dalam ketiga-tiga domain. Penggunaan bahasa Jawa *Ngoko* adalah yang tertinggi dalam domain kekeluargaan, kejiwaan, dan transaksi. Faktor pemilihan bahasa dalam domain kekeluargaan ditentukan oleh informan, tujuan pertuturan, media pertuturan, dan situasi pertuturan. Domain kejiwaan pula, faktornya ialah informan dan situasi pertuturan. Faktor informan termasuklah etnik, umur, pekerjaan, dan hubungan sosial. Dalam domain transaksi, pemilihan bahasa ditentukan berdasarkan informan dan etnik rakan pertuturan.

Kesimpulannya, faktor informan (etnik, umur, status sosial, dan hubungan sosial) dan situasi pertuturan terhadap orang yang sedang dibawa bertutur merupakan faktor yang menentukan pemilihan bahasa seseorang.

Seterusnya, Nasution dan Ayuningtias (2020) bertujuan untuk menghuraikan pilihan bahasa dan faktor dominan dalam menentukan pilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Cina di Medan. Medan merupakan ibu negeri heterogen di Sumatera Utara, Indonesia yang terdiri daripada pelbagai etnik dan bahasa. Kepelbagaian bahasa vernakular menyebabkan terjadinya pilihan bahasa untuk interaksi harian termasuklah masyarakat Cina di Medan yang memainkan peranan penting dalam bidang ekonomi. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti pemilihan bahasa masyarakat Cina di Medan berdasarkan domain dan menghuraikan faktor pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Cina di Medan.

Nasution dan Ayuningtias (2020) menggunakan reka bentuk deskriptif berdasarkan pendekatan kualitatif. Terdapat 80 orang responden berbangsa Cina yang bermaustatin tetap di Medan berumur 15 hingga 60 tahun. Responden telah dikenal pasti dengan subetnik masing-masing seperti Hokkian, Tiociu, Konghu, Hakka, Hai Lho Kong, Hok Chio, dan Khek. Terdapat 69 perempuan dan 11 lelaki. 42 orang

responden mempunyai ijazah sarjana muda. Terdapat 63 responden yang multilingual, menguasai bahasa asing, bahasa vernakular dan bahasa kebangsaan. Instrumen kajian Nasution dan Ayuningtias (2020) adalah melalui pemerhatian, soal selidik dan pemerhatian.

Data Nasution dan Ayuningtias (2020) dikumpul dengan mengedarkan borang soal selidik kepada responden. Setiap soalan terdiri daripada 6 pilihan jawapan dan responden boleh memilih lebih dari satu jawapan. Responden juga boleh menyatakan sebab memilih jawapan tersebut. Data dikumpul menggunakan *Conversation Observation Technique* (Sudaryanto, 2015). Pengkaji terlibat dalam perbualan dan meneliti perbualan berdasarkan temu bual yang telah direkod. Purposive Accidental Sampling juga digunakan yang bermaksud dapatan kajian diperoleh secara rawak atau memilih satu individu atau kumpulan untuk bertemu di lokasi yang ditetapkan. Nasution dan Ayuningtias (2020) menganalisis data berdasarkan domain keluarga dan pekerjaan. Pengkaji juga menggunakan teknik analisis data oleh Miles dan Huberman. Tiga langkah analisis data ialah pengurangan data, persembahan dan kesimpulan data (Miles & Huberman, 1992). Data itu pengiraan menggunakan formula Bungin (Bungin, 2008).

$$n = \frac{fx}{N} \times 100\%$$

Dapatan kajian menunjukkan Hokkian merupakan subetnik yang dominan di Medan berbanding subetnik lain. Berdasarkan pilihan bahasa di rumah dalam domain kekeluargaan, pilihan bahasa Hokkian mempunyai peratusan yang tertinggi kerana subetnik Hokkian mendominasi bahasa subetnik lain. Sebahagian masyarakat yang bukan Hokkian menukar penggunaan bahasa kepada Hokkian, Indonesia, dan Mandarin. Berdasarkan temu bual dengan responden subetnik bukan Hokkian, kebanyakan ibu bapa tidak menggunakan bahasa ibunda subetnik untuk

berkomunikasi dengan anak-anak kerana ibu bapa tidak lagi fasih bertutur dalam bahasa subetnik mereka. Bagi domain pekerjaan, masyarakat Cina memilih untuk menggunakan bahasa Hokkian semasa berinteraksi dengan pekerja berbangsa Cina kerana mereka menguasai bahasa Hokkian walaupun bukan penutur natif Hokkian. Terdapat responden memilih bahasa Indonesia kerana ingin mengekalkan profesionalisme dalam persekitaran pekerjaan. Bahasa Mandarin dijadikan bahasa alternatif bagi mereka yang tidak boleh bertutur dalam bahasa vernakular. Berdasarkan penguasaan bahasa Hokkian dalam domain keluarga dan pekerjaan, faktor utama kajian ialah persamaan latar belakang informan.

Kesimpulannya, fungsi dan tahap penggunaan bahasa vernakular lebih tinggi berbanding bahasa Indonesia. Masyarakat Cina yang menukar bahasa kepada bahasa Hokkian adalah untuk menyesuaikan diri dengan masyarakat subetnik yang dominan.

Di samping itu, kajian Ernanda (2018) bertujuan untuk menghuraikan pemilihan bahasa dan sikap bahasa masyarakat Pondok Tinggi, Kerinci, Indonesia. Pondok Tinggi terletak di kota Sungai Penuh yang terdiri daripada ramai imigran dari pelbagai daerah di Indonesia. Dialek Pondok Tinggi adalah salah satu dialek di Kerinci yang mengalami keterancamn bahasa. Objektif kajian Ernanda (2018) adalah untuk mengenal pasti pemilihan bahasa masyarakat Pondok Tinggi, Kerinci dan menghuraikan sikap bahasa masyarakat Pondok Tinggi, Kerinci.

Ernanda (2018) menggunakan reka bentuk kajian deskriptif. Seramai 20 orang informan iaitu 10 orang generasi muda dan 10 orang generasi tua lingkungan 15 hingga 74 tahun. Informan merupakan penduduk tetap Pondok Tinggi. Instrumen kajian adalah adalah kaedah soal selidik dan temu bual.

Ernanda (2018) mengumpul data dengan mengedarkan borang soal selidik kepada 20 orang informan. Bahagian pertama dan kedua borang soal selidik adalah mengenai demografi informan. Bahagian ketiga adalah mengenai pemilihan bahasa pelbagai domain dan konteks. Temu bual dilakukan dengan bertanya soalan semasa informan menghantar borang soal selidik. Soalan temu bual diberikan dalam dialek Pondok Tinggi mengenai sikap bahasa informan. Ernanda (2018) menganalisis data yang terbahagi kepada domain kekeluargaan, persahabatan, persahabatan, pendidikan, pekerjaan dan keagamaan. Domain kekeluargaan terdiri daripada bahasa yang digunakan kepada ibu bapa, adik-beradik, anak dan suami isteri. Domain persahabatan terdiri daripada bahasa yang digunakan kepada rakan. Domain pendidikan merupakan bahasa yang digunakan di sekolah dan domain pekerjaan ketika bercakap kepada doktor. Hasil temu bual dipaparkan bagi melihat sikap bahasa terhadap bahasa Indonesia, bahasa Minangkabau, dialek Pondok Tinggi.

Dapatan kajian Ernanda (2018), menunjukkan bahawa generasi tua masih menggunakan dialek Pondok Tinggi secara utuh semasa berkomunikasi dengan keluarga dan rakan. Generasi tua menggunakan bahasa Indonesia semasa berkomunikasi dengan doktor, hal keagamaan, dan sekolah. Namun begitu, generasi tua tidak mengajarkannya kepada generasi muda kerana menganggap hanya bahasa Indonesia sahaja yang penting kepada anak-anak mereka untuk berjaya dalam pendidikan. Pemindahan bahasa daerah kepada generasi muda dianggap tidak penting sehingga bahasa Indonesia, variasi Melayu Jambi dan bahasa Minangkabau menjadi bahasa alternatif yang diajarkan kepada anak-anak. Sebahagian kecil generasi muda masih menggunakan dialek Pondok Tinggi tetapi majoriti berkomunikasi menggunakan bahasa Indonesia, variasi Melayu Jambi dan bahasa Minangkabau dalam setiap domain. Generasi muda juga tidak menggunakan dialek Pondok Tinggi